

Bahan asing yang terkumpul dalam badan akan merangsang pelbagai penyakit termasuk barah

# Jerebu punca kanser paru-paru

Kosmo 21/6/13 MS 12



Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD dan  
MAHFUZ MOHA MAD  
berita@kosmo.com.my



KEADAAN jerebu di ibu negara bertambah pulih semalam ekoran hujan yang melanda kawasan berjerebu itu.

**KUALA LUMPUR** – Orang ramai yang terdedah kepada keadaan berjerebu dalam tempoh lama berisiko menghidap penyakit kanser selain penyakit lain seperti gatal kerongkong, batuk dan sukar bernafas.

Pakar perunding perubatan Pusat Perubatan Kajang Plaza di Kajang, Datuk Seri Dr. Zulkornain Ahmad berkata, udara ketika jerebu amat berbahaya kerana ketika bernafas, manusia bukan sahaja menyedut gas oksigen tetapi termasuk bahan-bahan asing yang terkandung dalam udara terus memasuki paru-paru.

Kata beliau, bahan-bahan asing yang berupa sisa toksik yang terkandung dalam jerebu itu kemudian merangsang perkembangan sel-sel kanser di dalam tubuh manusia.

“Ketika krisis jerebu, udara di sekeliling mengandungi debu, habuk halus dan gas toksik seperti gas sulfur dioksida dan karbon monoksida.

“Meskipun udara yang disedut manusia akan melalui beberapa

tapisan seperti di hidung dan tekak tetapi organ penapis semula jadi itu tidak mampu menyekat 100 peratus apa yang disedut dari udara.

“Udara tercemar yang tidak dapat ditapis itu akan terus masuk ke paru-paru dan seterusnya mengakibatkan badan manusia mungkin dijangkiti bakteria, virus dan paling menakutkan penyakit seperti kanser paru-paru dan radang paru-paru,” kata beliau ke-

tika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Zulkornain berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai krisis jerebu yang melanda negara sejak beberapa hari lalu dan menyebabkan kualiti udara di kawasan terbabit mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tahap berbahaya iaitu melebihi 300.

Bagaimanapun, kata beliau, manusia tidak akan diserang penya-

kit kanser dalam sekelip mata tetapi kesan pencemaran itu boleh menjadi salah satu faktor manusia menghidap kanser dalam tempoh jangka masa panjang.

Sementara itu, Pegawai Perubatan Hospital Pakar Kuantan, Dr. Normazila Muhammad berkata, pendedahan terlalu lama seseorang dalam jerebu teruk boleh disamakan seperti orang yang bekerja di lombong arang batu.

Menurut beliau, partikel-partikel

halus yang banyak ketika jerebu tidak dapat ditapis oleh badan secara semula jadi lalu bahan-bahan berbahaya itu akan masuk dan terkumpul di dalam paru-paru.

Kata beliau, bahan-bahan yang terkumpul dalam tempoh lama di dalam paru-paru akhirnya menjadi punca kepada seseorang itu diserang penyakit kronik ini.

“Badan manusia akan menghasilkan satu bahan dipanggil mukus untuk menghalang partikel-partikel halus masuk ke dalam badan tetapi jika terlalu banyak badan tidak berupaya untuk menapis kesemua partikel-partikel halus itu,” kata beliau.

Selain itu, Normazila turut mengingatkan orang ramai supaya menjauhi kawasan berjerebu ketika cuaca hujan kerana bahan tercemar yang terkandung dalam air hujan tersebut boleh menyebabkan kegatalan pada kulit.

“Air hujan ketika jerebu mengandungi pelbagai habuk dan debu yang banyak berbanding kebiasaan dan apabila terkena pada kulit ia boleh menyebabkan gatal,” kata beliau.

Sehubungan itu, Normazila menasihati orang ramai supaya minum air kosong dalam kuantiti yang banyak bagi membolehkan badan menyingkirkan partikel-partikel halus yang melekat di dalam badan.